



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 41/2023**

**MAHABBAH KEPADA RASULULLAH**

**13 Oktober 2023**

*Bersamaan*

**27 Rabiul Awal 1445**

**DIKELUARKAN OLEH:**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بَشِيرًا وَنَذِيرًا،  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ،  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ، وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita berusaha meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Ta'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan suruhanNya mengikut kemampuan kita dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita selamat di dunia dan berjaya di akhirat. Mimbar pada hari Jumaat yang bertuah ini akan memperkatakan khutbah yang bertajuk:

### **“ MAHABBAH KEPADA RASULULLAH ”**

Alhamdulillah, kita masih berada di dalam bulan Rabiulawal yang mencatatkan peristiwa terpenting dalam sejarah Islam, iaitu kelahiran insan yang paling istimewa di sisi Allah Ta'ala, penutup para Nabi yang telah membawa sinar dan rahmat ke seluruh alam, iaitu Nabi Muhammad SAW.

Firman Allah ta'ala dalam surah Al-Anbiya', ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

**Maksudnya:** "Dan kami tidak mengutus engkau (wahai Nabi Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."

## Muslimin sekalian,

Mahabbah ar-Rasul merujuk kepada kasih sayang dan cinta seorang mukmin kepada Rasulullah SAW melebihi insan lain. Allah SWT memerintahkan kita berbuat demikian dengan cara mengikut ajaran al-Quran dan as-Sunnah.

FirmanNya dalam surah Aali 'Imran: 31 :

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ

رَحِيمٌ ٣١

**Maksudnya:** "Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Sabda Rasulullah saw:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

**Maksudnya:** : "Tidak sempurna iman seorang kamu sekalian hinggalah aku lebih dia cintai daripada bapanya, anaknya dan manusia seluruhnya".

(Riwayat al-Bukhari)

## **Sidang Jamaah sekalian**

Antara sebab kecintaan terhadap Baginda Nabi Muhammad saw adalah kerana Baginda telah diutuskan sebagai rahmat bagi sekalian alam, sehingga berjaya mengeluarkan umat manusia dari kegelapan jahiliyah kepada cahaya Islam dan kebenarannya. Tingkahlaku dan akhlaqnya yang tinggi dijadikan panduan dalam kehidupan kita sepanjang masa.

Tambahan lagi, Baginda Nabi dikurniakan syafaat 'uzma dan syafaat-syafaat yang lain. Antaranya ialah syafaat Baginda kepada pelaku dosa besar, sebagaimana dalam sabdanya:

**شَفَاعَتِي لِأَهْلِ الْكِبَائِرِ مِنْ أُمَّتِي**

**Maksudnya:** “Syafaatku dikurniakan juga untuk para pelaku dosa besar dalam kalangan umatku”.

(Riwayat Abu Dawud dan at-Tirmidzi)

## **Para jamaah yang berbahagia,**

Segala sesuatu memiliki tanda; waktu siang ditandai dengan terang, malam pula dengan kegelapan, kegembiraan dengan senyuman dan rasa sedih dengan bukti tangisan atau kegusaran.

Begitu pula dengan cinta kepada Rasulullah ada tanda di dalamnya. Tidak cukup dengan kita berkata: “cinta Rasul”, “cinta Nabi”, jika tidak disertai dengan bukti nyata.

Imam Ibnu Hajar menulis: “di antara tanda seseorang itu mencintai Nabi saw, adalah jika dihadapkan dengan dua pilihan; antara Nabi dan keduniaan, dia

akan lebih mengutamakan perihal Nabi saw daripada perkara keduniaan itu. Jika tidak sedemikian, dia tidak akan dikatakan telah mencintai Nabi.”

Mencintai Nabi saw juga bermaksud; meneladani Nabi saw dalam semua aspek kehidupan, mengamalkan sunnah Nabi saw, mengagungkan dan memuliakan Baginda saw, mencintai keluarga dan para sahabat Baginda saw, bercita-cita jika dapat melihat Baginda saw dan seumpamanya.

Rasulullah saw bersabda:

مِنْ أَشَدِّ أُمَّتِي لِي حُبًّا نَاسٌ يَكُونُونَ بَعْدِي يَوَدُّ أَحَدَهُمْ لَوْ رَأَى بِأَهْلِهِ وَمَالِهِ

**Maksudnya:** : “Di antara umatku yang paling mencintaiku adalah orang yang hidup setelah zamanku, mereka menginginkan untuk melihatku meskipun dengan menukar ganti ahli keluarga dan harta bendanya”.

(Riwayat Muslim)

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Amalan yang dapat memaparkan kecintaan kepada Baginda saw adalah dengan membanyakkan bacaan solawat dan salam kepada Nabi saw pada setiap masa dan ketika. Bacaan solawat yang terbaik adalah sebagaimana yang dibaca pada penghujung tahiyat akhir solat kita seharian yang dikenali dengan solawat Ibrahimiah.

Marilah kita meneruskan penghayatan cinta kepada Nabi saw dengan membela agamanya, berpegang teguh dengan ajarannya, iaitu mematuhi perintah, menjauhi semua larangannya dan melaksanakan sunnah-sunnahnya dan syariatnya. Itulah bukti mahabbah Rasul SAW, yang menjadi pintu kepada mahabbah Allah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَا آتَاكُمْ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَنْهَكُمُ عَنْهُ فَأَنْهَوْا وَأَتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ

شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

**Maksudnya:** Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksanya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).”

(Surah al-hasyr, ayat 7)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi.**

Khatib menyeru kepada sidang jumaat sekalian, marilah sama-sama kita imarahkan masjid ini dengan menunaikan solat berjemaah. Sesungguhnya solat berjemaah mempunyai banyak fadhilat dan hikmahnya.

Justeru, janganlah tuan-tuan menangguh-nangguhkan untuk datang ke masjid. Bawalah anak-anak kita, ajaklah jiran tetangga dan ahli qaryah kita untuk sama-sama mengimarahkan masjid ini. Mudah-mudahan usaha kita ini mendapat rahmat, keampunan dan keredhaan daripada Allah di dunia dan akhirat.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا

مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ  
مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.



**Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim.**

Perbaikilah hubungan sesama kami dengan penuh kasih sayang. Limpahkanlah dalam kehidupan keluarga kami ketenangan dan kebahagiaan, Semangat muafakat dalam kejiranan, Para remaja yang teguh iman, tinggi ilmu dan mulia akhlaknya.

**Ya Allah,**

Kami pohon kehadiran-Mu agar mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan jadikanlah kami sentiasa istiqamah dalam melaksanakan segala perintah-Mu.

**Ya Allah,**

Perkukuhkan perpaduan umat Islam di negeri Terengganu. Jadikanlah negeri ini negeri yang aman, maju lagi diberkati. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan yang berterusan. Jauhkanlah negeri kami ini daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaan-Mu.

آمين يا الله، يا أرحم الراحمين

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أَذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

□ قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللَّهُ.